

Gaji pekerja ladang biar kompetitif: PM

BH

28 MAY 2000

Oleh JAMHARIAH JAAFAR, M
MAGENDRAN dan TEH KIAN
KIAT

KUALA LUMPUR: Kerajaan pada dasarnya telah bersetuju dengan pelaksanaan gaji bulanan untuk pekerja-pekerja ladang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, apa yang perlu diputuskan sekarang ialah kadar gaji purata yang akan melegakan pekerja ladang dan pada masa sama mengekalkan daya saing negara ini.

“Kita setuju secara prinsip dengan gaji bulanan tetapi kita nak kena tentukan tahapnya dahulu kerana dengan pendapatan harian, kadang-kadang tidak ada kerja langsung pada musim hujan, manakala gaji bulanan adalah tetap, hujan ke tidak hujan gaji kita kena bayar sama.

“Tetapi kita perlu ingat bahawa kita sedang bersaing dengan negara lain kalau kita tentukan gaji bulanan yang terlalu tinggi, kita akan jadi tidak kompetitif.

“Justeru, yang menjadi masalahnya sekarang ialah tahap gaji bulanan. Ia mesti ditentukan puratanya bagi memastikan kita akan terus kekal kompetitif,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Perhimpunan Agung MIC, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, semalam.

Turut hadir Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu; Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN), Tan Sri Mohd Khalil Yaakob; dan Timbalan Presiden MIC, Datuk S Subramaniam.

Isu gaji bulanan membabitkan kira-kira 300,000 pekerja ladang yang diperjuangkan sejak 30 tahun, dibawa kepada jemaah Menteri kira-kira dua bulan lalu oleh Samy Vellu.

Presiden MIC itu ketika berucap, berkata usaha mendapatkan gaji bulanan yang membabitkan hampir 50 peratus pekerja keturunan India, sudah mencapai kejayaan berikutan jaminan Kabinet membuat keputusan mengengainya akhir Jun ini.

Sementara itu, Perdana Menteri ketika merasmikan Perhim-

punan Agung MIC berharap rakyat keturunan India tidak lagi berasa terpisah dan tersisih dari kaum lain kerana mereka telah menikmati kejayaan yang sama dengan bangsa lain di negara ini. Beliau menegaskan, pendapat yang negatif hanyalah satu persepsi dan ia mungkin akan digunakan oleh golongan tertentu yang mahu melihat negara ini tidak stabil.

Selain kaum lain katanya, rakyat keturunan India turut memainkan peranan besar dalam pertumbuhan negara dan ekonomi negara.

“Sebagaimana kaum lain, kaum India juga telah mendapat faedah daripada pelaksanaan pelbagai program dan projek di bawah Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional.

“Data yang ada menunjukkan kaum India terus mencatat peningkatan pendapatan isi rumah purata, penurunan insiden kemiskinan, peningkatan hak milik modal saham sektor korporat dan penyertaan guna tenaga yang lebih seimbang.

“Dalam bidang profesional, prestasi kaum India lebih baik dari kaum Bumiputera,” katanya.

Beliau berkata, pendapatan perkapita negara kaum India mencatat peningkatan 100 peratus iaitu daripada RM1,209 pada 1990 kepada RM2,702 tahun lalu, manakala insiden kemiskinan di kalangan mereka berkurangan dari 7.5 peratus kepada 1.9 peratus bagi tempoh yang sama.

Justeru, Perdana Menteri melahirkan penghargaan terhadap peranan yang dimainkan oleh rakyat pelbagai kaum di negara ini dalam memelihara perpaduan dan kestabilan.

“Saya gembira bahawa setiap kaum memahami masalah yang terdapat dalam masyarakat majmuk di negara ini. Kita lihat di negara lain, perebutan hak yang lebih bagi kaum sendiri hanya menghancurkan negara.

“Sebaliknya, kesanggupan bertolak ansur semua kaum di Malaysia menyelamatkan kekayaan dan keamanan negara dan semua pihak mendapat nikmat daripadanya,” katanya.